

PENDAFTARAN KURSUS SECARA ONLINE SEMESTER PERTAMA 2021/2022

- TARIKH**
- i) **14 Jun – 04 Julai 2021**
 - ii) **10 September – 23 September 2021**
 - iii) **11 Oktober – 24 Oktober 2021**

MELALUI WEB: SEPANJANG MASA SEHINGGA TARIKH YANG TELAH DITETAPKAN.

PERHATIAN

- a) Pelajar adalah dinasihatkan untuk sentiasa mematuhi peraturan pendaftaran pelajar dibuat mengikut peraturan yang ditetapkan dalam Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 (Pindaan 2016) dalam tempoh yang dinyatakan dalam kalender akademik tersebut.
- b) Kursus yang mempunyai prasyarat boleh didaftarkan setelah mendapat ‘Gred’ kursus prasyarat tersebut. (Sekiranya kursus prasyarat sedang diikuti, pelajar hendaklah mendaftar sehari selepas mesyuarat Senat mengenai keputusan peperiksaan akhir iaitu pada 10-23 September 2021 atau awal semester berikutnya. **Pelajar yang tidak melakukan apa-apa pendaftaran awal hanya diberi tempoh pendaftaran selama satu minggu sahaja pada awal semester berikutnya).**
- c) Kredit minimum/maksimum untuk pendaftaran kursus pelajar sepenuh masa ialah **12 – 20** kredit (Sila rujuk ke fakulti jika pendaftaran kursus (pelajar semester akhir) kurang dari 12 kredit/melebihi 20 kredit). Pendaftaran kursus bawah 12 kredit boleh dibenarkan dengan syarat seperti berikut:
 - i) Pelajar boleh/dibenarkan mendaftar kursus <12 kredit dalam tempoh pendaftaran kursus (minggu pendaftaran kursus iaitu minggu 12-14).
 - ii) Pelajar yang mendaftar <12 kredit ini dikehendaki mengemas kini pendaftaran kursus dalam tempoh dua minggu selepas pengesahan Senat mengenai keputusan

peperiksaan akhir diumumkan dan pada hari pertama kuliah semester bermula (11 Oktober 2021) kecuali bagi pelajar semester akhir pengajian dan pelajar dari kategori kemasukan PRAUNIMSN yang dibenarkan mendaftar <12 kredit.

- iii) Selepas minggu kedua kuliah semester bermula (mulai 25 Oktober 2021), sekiranya pelajar berkenaan tidak mengemas kini pendaftaran yang dibuat bagi mencukupkan pendaftaran menjadi sekurang-kurangnya 12 kredit tersebut, pendaftaran kursus akan **terbatal dengan sendirinya**.
- d) Pelajar tidak dibenarkan mengikuti mana-mana kuliah/kelas tanpa terlebih dahulu mendaftar kursus tersebut.
- e) Pendaftaran kursus di luar tempoh pendaftaran yang ditetapkan adalah tidak dibenarkan.
- f) Pelajar hendaklah mengikuti arahan/peraturan pendaftaran yang ditetapkan seperti yang terkandung dalam Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 (Pindaan 2016).
- g) Sebarang implikasi berkaitan pendaftaran yang tidak mengikut peraturan dan tempoh yang ditetapkan adalah tanggungjawab pelajar sendiri.
- h) Mana-mana pelajar yang telah terhalang secara automatik daripada membuat pendaftaran kursus adalah tidak mendaftar secara berterusan dengan universiti dan pendaftarannya hendaklah terhenti, dan namanya tergugur daripada senarai Universiti. Perkara 12 Akta Universiti dan Kolej Universiti 1971, Kaedah Universiti Putra Malaysia (Perkara Akademik Prasiswazah) 2014 (Pindaan 2016).
- i) Walau apa pun yang dinyatakan dalam perenggan sebelum ini, mana-mana pelajar yang pendaftarannya terhenti dan namanya tergugur daripada senarai daftar pelajar Universiti akibat daripada tidak atau gagal atau cuai mendaftar secara berterusan dengan Universiti, boleh merayu pada semester namanya tergugur untuk didaftarkan semula sebagai pelajar dan menyambung semula pengajian pada semester berikutnya.
- j) Kepada pelajar yang membuat permohonan penangguhan pengajian atau menarik diri dari program pengajiannya selepas minggu kedua semester bermula, yuran pengajian tidak akan dikembalikan.

NOTA: Pendaftaran wajib dibuat:

- i) Pendaftaran Kursus boleh dicapai melalui laman Web berikut:
<http://www.smp.upm.edu.my>
- ii) Jadual Waktu Kuliah dan Amali boleh dicapai melalui laman Web berikut: <http://www.akademik.upm.edu.my>
- iii) Pelajar yang tidak menjelaskan hutang/yuran, tidak dibenarkan membuat Pendaftaran (sila rujuk Pejabat Bendahari untuk keterangan lanjut).
- iv) Kredit minimum/maksimum untuk pendaftaran kursus pelajar sepenuh masa ialah **12 – 20** kredit (Sila rujuk ke fakulti jika pendaftaran kursus (pelajar semester akhir) kurang dari 12 kredit/melebihi 20 kredit).
- v) Pelajar yang tidak mendaftar di dalam SMP selepas minggu kedua semester dibuka akan digugurkan nama dari daftar pelajar UPM.
- vi) Perubahan Pendaftaran Kursus (tanpa denda) mulai 11/10/2021 hingga 24/10/2021. (*Hanya kepada pelajar yang telah membuat pendaftaran kursus pada minggu 12-14 dan pendaftaran selepas Senat mengumumkan keputusan peperiksaan akhir*).
- vii) Pendaftaran Kursus Lewat (tanpa denda) mulai 11/10/2021 hingga 17/10/2021.
- viii) Pendaftaran Kursus Lewat (dengan denda RM 50.00 setiap kursus yang didaftar) mulai 18/10/2021 hingga 24/10/2021. (*bagi pelajar yang tidak membuat pendaftaran kursus dalam tempoh yang ditetapkan*).
- ix) Gugur Kursus dengan denda (RM 50.00 setiap kursus yang didaftar) mulai 25/10/2021 hingga 28/11/2021.
- x) Pelajar perlu cetak slip pendaftaran kursus selepas membuat pendaftaran kursus/perubahan pendaftaran kursus.
- xi) Pelajar perlu semak pendaftaran kursus dan cetak salinan slip pendaftaran sebagai rujukan setelah pendaftaran telah lengkap.